



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	26/9/2019	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	JPSM / JUPEM / JKPTG / PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

'ZOO' LELAKI KEBAL

Suspek ceroboh 25 hektar

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Kubang Pasu

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (PNK) dalam proses melengkapkan kertas siasatan sebelum mendakwa pihak yang menceroboh Kompartmen 19 Hutan Simpan Gunung Inas, Kulim.

Pengarahnya, Roslan Rani berkata, pihaknya juga sudah menerima salinan surat dan geran tanah daripada pihak berkenaan.

Beliau berkata, hasil semakan dilakukan mendapati sebahagian tanah yang diteroka berada dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK).

Katanya ia termasuk bahagian dibina banglo kayu dan kandang haiwan seperti landak, rusa, burung unta serta kolam ikan.



Berdasarkan semakan awal, hanya 10 hektar daripada 35 hektar tanah diteroka adalah milik suspek jadi sebahagian besarnya adalah dalam HSK, kami akan teruskan siasatan sebelum mendakwa suspek ke mahkamah”

Roslan Rani

“Berdasarkan semakan awal, hanya 10 hektar daripada 35 hektar tanah diteroka adalah milik suspek jadi sebahagian besarnya adalah dalam HSK, kami akan teruskan siasatan sebelum mendakwa suspek ke mahkamah.

“Kami juga akan semak dengan Pejabat Tanah Daerah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) untuk

pastikan bila geran tanah dikeluarkan kepada suspek,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Penutupan Bulan Kemerdekaan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Darulaman dengan kerjasama PNK, semalam.

Roslan berkata, pertidahan kawasan tanah milik kerajaan dan persendirian


tidak berlaku dalam isu tersebut.

Dia berkata perkara itu memerlukan penelitian dan laporan daripada Pejabat Tanah serta JUPEM.

Sabtu lalu, Harian Metro melaporkan hasrat kontraktor berusia 43 tahun menanam kelapa sawit dan durian Musang King di hutan berkenaan, punah apabila ditahan bersama seorang pekerjanya pada Khamis.

Dalam serbuan jam 4 petang Jabatan Perindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) turut merampas 36 rusa, tujuh landak, tiga burung unta serta empat kuda disyaki dibela secara haram di hutan berkenaan.

Selepas ditahan suspek berkenaan dibawa ke Balai Polis Mahang, Kulim, sebelum dibebaskan dengan jaminan polis.



LAPORAN Harian Metro, 21 September 2019.